

CAREER PLANNING CAMP SIRI 2

Disediakan oleh :
Carrie Grace Jaymess

Kem Perancangan Kerjaya Siri 2 2012 telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya untuk memberi bimbingan kerjaya secara menyeluruh dan menekankan tentang aspek kesedaran kerjaya dalam kalangan mahasiswa.

Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam bertempat di Usukan Cove, Kota Belud ini, bertujuan untuk membantu para mahasiswa untuk lebih mengenali diri melalui minat kerjaya dan personaliti mereka berdasarkan trait personaliti Holland. Perkara ini amat penting untuk diketahui oleh semua mahasiswa dan mahasiswi sebelum mereka mula merancang untuk memilih bidang kerjaya di masa hadapan.

Program ini merupakan program yang kedua diadakan dimana Kem Perancangan Kerjaya Siri 1 telah berjaya dianjurkan di Sepilok B & B, Sandakan. Permintaan terhadap penganjuran program seumpama ini tinggi kerana program ini bukan sahaja membantu para mahasiswa untuk mengenal diri sendiri tetapi dalam program ini juga diselitkan dengan ceramah dan bengkel tips penulisan resume dan tips menghadapi temuduga.

Program ini mampu membantu mahasiswa dalam mencapai kematangan kerjaya seterusnya memberikan mereka bimbingan dari sudut persiapan sebelum terjun ke mana-mana bidang kerjaya yang

ada diluar sana. Peranan Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya adalah untuk membimbing para mahasiswa ini agar mereka memahami dan mendalamai diri terlebih dahulu sebelum mereka membuat keputusan kerjaya. Ini kerana kepuasan di tempat kerja berkait rapat dengan minat dan personaliti seseorang. Seperti yang dikatakan oleh Confucius "choose a job you love, you will never have to work a day in your life."

Menurut Zulfadli Bin Mohirin pelajar jurusan Hubungan Industri UMS berkata perkongsian dalam program ini membangkitkan semangat dan kesedaran mengenai pentingnya mempersiapkan diri sebelum masuk dalam dunia pekerjaan. "Antara manfaat penting yang diperoleh melalui program ini ialah tips penulisan resume dan persediaan dalam menghadapi temuduga disamping lebih mengenali tentang diri dan kawan-kawan," katanya.

Seorang lagi pelajar dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial mengambil jurusan Pendidikan, Sharizan Binti Al-Rahim masih terkesan dengan sesi perkongsian bersama dengan penceramah yang terdiri daripada Pegawai Psikologi. "Slot mengenali personaliti diri melalui ujian psikologi yang disampaikan telah membantu saya untuk lebih mengenali siapa diri saya dan saya teruja apabila mengetahui tentang kekuatan diri saya melalui interpretasi ujian yang diberikan oleh kaunselor," katanya.

Program Career Planning Camp ini akan diteruskan penganjurannya agar lebih ramai para pelajar yang memperolehi kesedaran kerjaya. Namun, bagi para pelajar yang belum berpeluang mengikuti program ini, anda boleh datang ke Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya pada bila-bila masa untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan kerjaya secara percuma dan bersemuka.

